

18 AUG 1997

Mahathir-Ekonomi

ANGGAPAN EKONOMI NEGARA TERLAMPAU PANAS TIDAK BERASAS, KATA PM

KOTA KINABALU, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata anggapan kononnya kedudukan semasa ekonomi negara termasuk kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada keadaan ekonomi yang terlampau panas adalah tidak berasas.

Sebaliknya apa yang berlaku ialah cubaan sesetengah pihak untuk melemahkan ekonomi negara, kata beliau.

"Saya sentuh tentang keadaan "overheated economy" (ekonomi yang terlampau panas) ini secara sinis. Saya tidak percaya kepada "overheating" dan dengan itu tidak ada asas sama sekali anggapan mereka ini kononnya ekonomi kita menggelegak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di terminal lama Lapangan Terbang Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas ke Sarawak selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Dr Mahathir berkata; "Apa yang jelas, mereka ini kecewa kerana kita tidak mengikut nasihat mereka untuk merendahkan pertumbuhan ekonomi kita dan akhirnya mereka mengambil tindakan secara tidak bertanggungjawab untuk mengurangkan prestasi ekonomi kita."

Beliau berkata pihak yang bertanggungjawab mendalangi usaha melemahkan ekonomi negara ini tidak perlu mempersoalkan mengenai ekonomi Malaysia kerana mereka sebenarnya tidak tahu apa-apa mengenai negara ini.

"Mereka hanya perlu bimbang (dengan keadaan) negara mereka sendiri. Mereka tidak tahu tentang Malaysia. Mereka boleh menulis artikel (mengenai Malaysia) tetapi mereka tidak ada pengalaman sama-sekali tentang pentadbiran secara praktikal seperti yang kita buat di sini," katanya.

Ketika ditanya sama ada kenyataan beliau itu turut menyentuh akhbar asing, Perdana Menteri secara berseloroh, berkata: "Mereka terdiri daripada akhbar asing, akhbar tempatan tidak boleh... kerana mengikut akhbar asing, akhbar tempatan adalah dikawal oleh kerajaan sepenuhnya."

Apabila ditanya sama ada pelantikan Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai timbalan menteri merupakan isyarat akan berlaku satu rombakan kabinet, Dr Mahathir berkata, spekulasi mengenai rombakan kabinet boleh dibuat oleh sesiapa.

"Saya sedang menunggu nasihat akhbar (sama ada perlu melakukan rombakan kabinet) tetapi saya tidak boleh membuat rombakan hanya semata-mata untuk memuaskan hati akhbar," katanya dengan nada berjenaka.

Mengenai rasuah, beliau berkata: "Di Malaysia, kita percaya kepada usaha untuk mengatasi masalah sebelum ia berakar umbi. Jadi nasihat saya berulang kali mengenai soal ini adalah kerana wujudnya keperluan untuk mengambil tindakan sekarang kerana adalah sukar untuk membendung jika sesuatu itu dibiarkan berakar umbi."

Katanya media juga mempunyai peranan dalam menghapuskan rasuah dengan cara mendedahkannya kepada masyarakat tetapi media juga perlu adil dan tidak menghakimi seseorang sehingga mempunyai bukti sahih mengenai pembabitannya dalam rasuah.

Pada persidangan berita itu, Dr Mahathir sekali lagi ditanya pendapatnya tentang prestasi Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim memandangkan sebelum bercuti selama dua bulan dari 19 Mei, beliau (Dr Mahathir) secara bergurau pernah menyatakan yang beliau mempunyai kad laporan Anwar, yang memangku jawatan Perdana Menteri bagi tempoh berkenaan.

Kepada soalan itu, Dr Mahathir berkata: "Ya, secara bergurau saya katakan prestasinya amat baik. Adakah anda mempunyai masalah? Terpujanglah

kepada anda untuk membuat penilaian dan saya pula membuat penilaian
sendiri." -- BERNAMA
JS NMO